**TIPS PENCEGAHAN JENAYAH: PECAH RUMAH**

**Bila kes pecah rumah sering berlaku?**

**1**. Ketika penghuni tiada di rumah, sama ada siang mahupun malam.
**2**. Apabila tahap kerjasama sesama jiran kurang, malah tidak mengenali antara satu sama lain.
**3**. Apabila ada tanda-tanda kecuaian penghuni dalam aspek keselamatan rumahnya.

**Bagaimana mengelakkan perkara ini daripada berlaku:**

**1.** Kunci pintu dan tingkap apabila meninggalkan rumah walaupun untuk masa yang singkat.
**2**. Jangan sembunyikan kunci rumah di dalam pasu, bawah alas kaki ataupun dalam rak kasut di luar rumah.
**3.** Jangan tinggalkan nota menunjukkan anda tiada di rumah.
**4**. Hentikan hantaran pesanan harian (surat khabar) apabila anda tiada di rumah untuk beberapa hari.
**5.** Pasang semula manga atau kunci rumah yang baru jika anda kehilangan anak kunci ataupun penyewa rumah bertukar.
**6.** Elakkan dari memberi kunci rumah kepada kontraktor.
**7.** Simpan tangga dan peralatan (*tools*) di tempat yang selamat agar tidak digunakan oleh penceroboh.
**8.** Wujudkan suasana rumah yang berpenghuni seperti bunyi radio dan lampu terpasang pada waktu malam (guna *timer*, alat kawalan waktu).
**9.** Cabut talian telefon bagi mengelakkan telefon berdering berterusan ataupun pasang sistem pesanan/simpanan suara (jangan maklum anda tiada di rumah).
**10.** Sertai program kejiranan, khususnya bersama polis untuk mengenali serta meningkatkan kerjasama antara komuniti dan polis.
**11.** Berikan nombor talian anda yang boleh dihubungi dan juga talian balai polis yang berhampiran.
**12.** Pastikan kebersihan persekitaran rumah agar tidak ditumbuhi lalang dan semak-samun yang boleh dijadikan tempat sembunyi penceroboh.
**13.** Pastikan sekitar kawasan pagar kita tidak mempunyai pokok yang boleh digunakan oleh penceroboh untuk memasuki rumah dengan mudah.

**Tips-tips tambahan bagi mengelakkan kejadian pecah rumah berlaku:**

**1.** Pintu utama dan pintu belakang perlu diperbuat dari bahan yang kukuh dan dilengkapi dengan sistem kunci yang berkualiti.
**2**. Pasang ‘*door viewer*’ dan penyelak di pintu utama.
**3.** Pasang jeriji (*grill*) berkunci pada pintu dan tingkap rumah.
**4.** Pasang lampu (guna lampu yang jimat tenaga dan mesra alam) yang mempunyai alat pengesan untuk kawalan di luar rumah.
**5.** Pasang alat keselamatan tambahan seperti pengera dan CCTV.

Ikuti perkembangan aktiviti polis ketika musim perayaan untuk mengetahui akan program RakanCop serta program keselamatan Balik Kampung, terutamanya ketika musim perayaan.

**Sebarang masalah kecemasan, sila hubungi talian terus kami yang beroperasi 24 jam:**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Bukit Aman | 03-20319999 / 03-22663333 |
| 2 | Selangor | 03-20529999 |
| 3 | Kuala Lumpur | 03-21460585 |
| 4 | Perlis | 04-9711999 |
| 5 | Kedah | 04-7392999 |
| 6 | Pulau Pinang | 04-2691999 |
| 7 | Perak | 05-2401999 |
| 8 | Negeri Sembilan | 06-7619999 |
| 9 | Melaka | 06-2851999 |
| 10 | Johor | 07-2212999 |
| 11 | Pahang | 09-5151999 |
| 12 | Terengganu | 09-6270499 |
| 13 | Kelantan | 09-7455555 |
| 14 | Sarawak | 082-240800 |
| 15 | Sabah | 088-450470 |
| 16 | Labuan | 087-412575 |

***Untuk maklumat lanjut berkenaan langkah-langkah pencegahan jenayah, sila layari laman web PDRM di [www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my) dan facebook PDRM di [www.facebook.com/polisdirajamalaysia.](http://www.facebook.com/polisdirajamalaysia)***

**BORANG MAKLUMAT:BALIK KAMPUNG**

Kepada:

Kawasan Pentadbiran Balai Polis: ..........................................................

**BUTIR-BUTIR PENDUDUK**

Dimaklumkan bahawa penama di bawah akan meninggalkan rumah kediaman untuk bercuti.

Nama: ..........................................................................................

Alamat:.........................................................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

No Telefon yang boleh dihubungi: ..................................................

Tarikh meninggalkan rumah: ..........................................................

Tarikh dijangka balik ke rumah: ......................................................

Alamat semasa bercuti: .................................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

Kenderaan yang ditinggalkan (jenis & no.pendaftaran)

1. ............................................................................................
2. ............................................................................................
3. ............................................................................................

Lain-lain maklumat (jika ada): .........................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

Tandatangan　　　　　　　　　　　　Tarikh

................................　　　　　　　　..........................

***(Keratan ini hendaklah diserahkan kepada Balai Polis yang berdekatan)***